

Kerajaan tambah RM300j dana MAVCAP

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Kerajaan akan menambah RM300 juta kepada dana modal teroka Malaysian Venture Capital Management (MAVCAP), menjadikan keseluruhan dana berjumlah RM800 juta, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Langkah itu bertujuan menggalakkan lagi perkembangan syarikat modal teroka swasta,” katanya semasa membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata, kerajaan juga telah menubuhkan Malaysian Debt Venture (MDV) dengan dana RM650 juta dan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dengan dana modal teroka sebanyak RM1 bilion untuk membiayai pelaburan dalam bidang-bidang lain seperti industri logistik dan pemodenan pertanian.

Katanya, kerajaan akan melonggarkan syarat yang berkaitan dengan kaedah pengiraan 70

peratus pelaburan dalam syarikat teroka.

Perdana Menteri berkata, pengiraan ini akan hanya mengambil kira nilai dana yang dilaburkan dan bukannya jumlah keseluruhan dana yang dimiliki oleh syarikat modal teroka.

“Di samping itu, kerajaan mencadangkan supaya syarikat pengurusan modal teroka diberi pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diterima daripada pembahagian keuntungan dengan syarikat modal teroka.”

Dr. Mahathir berkata, kerajaan juga telah memberikan potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan dalam syarikat teroka dengan syarat pelupusan saham dalam syarikat teroka dibuat melalui tawaran awam permulaan (IPO).

“Bagi menambah baik galakan ini, pelupusan tersebut boleh juga dibuat melalui *exit mechanism* yang lain yang diluluskan seperti *put option* dan pembelian pengurusan syarikat (MBO),” katanya.